

**Pengumuman Suruhanjaya Perniagaan Penyiaran Televisyen Dan Telekomunikasi Nasional
Tentang : Kaedah dan prosedur untuk peruntukan spektrum komunikasi radio**

Layak untuk mempunyai kaedah dan prosedur untuk peruntukan spektrum komunikasi radio supaya semua sektor memahami bersama kaedah dan prosedur Suruhanjaya Perniagaan Penyiaran Televisyen Dan Telekomunikasi Nasional. Digunakan untuk mempertimbangkan peruntukan spektrum untuk komunikasi radio yang merupakan perniagaan membantu kemajuan dan kestabilan negara.

Menurut seksyen 27(4) (24), seksyen 81 dan seksyen 87 akta Organisasi alokasi spektrum dan pengawasan operasi penyiaran, televisyen dan telekomunikasi tahun 2010. Bersempena dengan seksyen 11 dan seksyen 11 tambahan dalam akta komunikasi radio tahun 1955 sebagaimana yang dipinda oleh akta komunikasi radio (edisi 3) tahun 1992 Suruhan Perniagaan Penyiaran, Televisyen dan Telekomunikasi Nasional. Oleh itu menetapkan kaedah dan prosedur untuk peruntukkan spektrum dalam urusan komunikasi radio seperti berikut :

Nombor 1 Semua pengumuman Suruhanjaya Perniagaan Penyiaran Televisyen Dan Telekomunikasi Nasional memiliki kaedah untuk perlesenan dan menjaga urusan radio amatur. Kaedah dan prosedur perlesenan penggunaan frekuensi 71-76 Gigahertz (GHz) dan 81-86 Gigahertz (GHz). Kaedah perlesenan penggunaan frekuensi untuk eksperimen atau ujian sementara dalam hal komunikasi radio dan telekomunikasi. Dan peralatan komunikasi radio dan stesen radio yang dikecualikan daripada mendapatkan lesen telah dikuatkuasakan sebelum tarikh pengumuman ini, berkuat kuasa untuk terus memohon sejauh tidak bertentangan dengan atau tidak konsisten dengan kriteria yang ditetapkan dalam pengumuman ini.

Nombor 2 Pengumuman ini

“Komunikasi radio” bermaksud perniagaan yang menerima dan menghantar tanda, huruf, nombor, gambar, bunyi, kod atau lain-lain lagi, yang boleh difahami oleh sistem gelombang spektrum untuk tujuan telekomunikasi dalam perniagaan tertentu atau sebagai ad hoc yang bukan perniagaan telekomunikasi di bawah undang-undang mengenai perniagaan telekomunikasi tau penyiaran, televisyen di bawah undang-undng mengenai penyiaran dan televisyen.

“Peruntukan spektrum” bermakna bermakna membenarkan stesen radio gunakan frekuensi radio atau saluran radio menurut jadual Spektrum Nasional atau rancangan frekuensi radio untuk kegunaan di bawah syarat-syarat yang ditetapkan oleh NBTC.

“Peruntukan frekuensi baru” bermakna membenarkan stesen radio menggunakan frekuensi radio atau saluran frekuensi radio menurut jadual Spektrum Nasional atau rancangan frekuensi radio untuk kegunaan di bawah syarat-syarat yang ditetapkan oleh NBTC mana pemohon untuk peruntukan frekuensi belum pernah diperuntukkan frekuensi tersebut sebelum ini.

“Peruntukan spektrum mengganti frekuensi asal” bermakna membenarkan stesen radio menggunakan frekuensi radio atau saluran frekuensi radio mengikut jadual Spektrum Nasional atau rancangan frekuensi radio untuk menggantikan frekuensi asal sekiranya NBTC telah mengarahkan untuk memulihkan spektrum atau adalah pelaksanaan pengumuman NBTC mengenai peningkatan penggunaan frekuensi atau untuk menyelesaikan masalah menggunakan spektrum adanya gangguan bersama yang mesti digunakan di bawah syarat yang ditetapkan oleh NBTC.

“Peruntukan spektrum yang dikongsi” bermakna membenarkan stesen radio menggunakan frekuensi radio atau saluran frekuensi radio mengikut jadual Spektrum Nasional atau rancangan frekuensi radio untuk digunakan di bawah syarat-syarat yang ditetapkan oleh NBTC bersempena dengan peruntukkan frekuensi lain dengan digunakan dengan rangkaian yang sama atau dengan bentuk penggunaan area bertindih.

“Peruntukan spektrum sementara” bermakna peruntukan frekuensi yang membenarkan tempoh tidak melebihi 180 hari dengan salah satu objektif berikut :

- (1) Untuk digunakan sebagai contoh untuk lelongan atau pertunjukan sebagai contoh dalam pameran.
- (2) Untuk mengkaji, penyelidikan atau ujian.
- (3) Untuk melindungi orang penting ketika melawat Thailand.
- (4) Untuk latihan ketenteraan dengan negara lain.
- (5) Untuk menyokong aktiviti khas.
- (6) Untuk tujuan lain yang ditetapkan oleh NBTC.

“Permintaan kebenaran untuk menggunakan spektrum yang akan digunakan bersama secara khas” bermakna memohon kebenaran untuk stesen radio untuk menggunakan frekuensi radio atau saluran frekuensi radio mengikut pengumuman NBTC yang berkaitan bersama-sama dengan peruntukan spektrum lain dalam urusan khas seperti urusan media, urusan kebajikan, spektrum untuk Organisasi Pentadbiran Tempatan, pusat frekuensi untuk hubungan kerja antara pihak kerajaan dengan rakyat dan lain-lain.

“Menukar skop peruntukan spektrum asal” bermakna mengubah kawasan penggunaan, mengubah bilangan stesen radio, kurangkan jarak dan saluran frekuensi berdekatan (channel spacing), atau ubah laras band frekuensi (Bandwidth), atau mengurangkan kuasa transmisi peralatan komunikasi radio, atau mengurangkan ketinggian antena dengan menggunakan frekuensi radio, atau saluran spektrum asal yang telah diperuntukkan dan penggunaan tujuan asal.

Bagian 1

Meminta untuk memperuntukkan spektrum

Nombor 3 Permintaan untuk peruntukan spectrum untuk salah satu daripada tujuan berikut :

3.1 Untuk keamanan negara mengikut pengumuman Suruhanjaya Perniagaan Penyiaran Televisyen Dan Telekomunikasi Nasional mengenai cara peruntukan spectrum untuk urusan komunikasi radio untuk keamanan negara.

3.2 Untuk pendidikan atau kebudayaan atau manfaat awam.

3.3 Untuk menyokong operasi penyiaran atau televisyen atau telekomunikasi.

3.4 Mengurus di dalam pejabat atau untuk menyokong misi pejabat.

3.5 Untuk digunakan sebagai contoh untuk lelongan atau pertunjukan sebagai contoh dalam pameran.

3.6 Untuk mengkaji, menyelidik atau ujian.

3.7 Untuk melindungi orang penting ketika melawat Thailand.

3.8 Untuk latihan ketenteraan dengan negara lain.

3.9 Untuk menyokong aktiviti khas.

3.10 Untuk tujuan lain yang ditetapkan oleh NBTC.

Nombor 4 Jenis permintaan bagi peruntukan spectrum seperti berikut :

4.1 Meminta untuk memperuntukkan frekuensi baru.

4.2 Meminta untuk memperuntukkan spektrum untuk menggantikan spektrum asal.

4.3 Permohonan untuk peruntukan spektrum frekuensi dikongsi.

4.4 Meminta peruntukan spektrum sementara.

4.5 Permintaan untuk menggunakan frekuensi yang ditentukan untuk digunakan bersama.

4.6 Meminta kebenaran untuk menukar skop kebenaran frekuensi asal yang diperuntukkan.

Nombor 5 Pemohon untuk peruntukan spektrum mestilah mempunyai kelayakan yang berikut.

5.1 Sebagai bahagian dari kerajaan, perusahaan negara atau pejabat negara.

5.2 Adalah legal entiti didirikan di bawah undang-undang Thailand.

5.3 Adalah individu.

5.4 Adalah jabatan khas di bawah United Nations, Pejabat Palang Merah Antarabangsa, Kedutaan, Kedutaan nuncio, Kedutaan, Konsulat Jeneral dan Konsulat.

5.5 Adalah Organisasi antarabangsa memiliki pejabat di Thailand, mana kerajaan Thailand telah mengeluarkan akta untuk melindungi operasi Organisasi itu.

Nomor 6 Pendaftaran untuk mendapatkan kod pengenalan bagi pemohon peruntukan spektrum dan perubahan kepada maklumat yang telah didaftarkan.

Pemohon untuk peruntukan spektrum yang tidak mempunyai kod pengenalan untuk permintaan peruntukan spektrum atau ingin mengubah maklumat yang telah didaftarkan mesti mengemukakan permohonan dalam bentuk yang ditetapkan oleh NBTC dengan dokumen berikut:

6.1 Dalam bahagian pejabat kerajaan, perusahaan negeri atau agensi-agensi kerajaan seperti berikut :

6.1.1 Surat dari pejabat kerajaan, perusahaan negeri, agensi kerajaan yang ditandatangani oleh ketua peringkat Kementerian, Biro, Jabatan, Pentadbiran Eksekutif perusahaan negeri atau pentadbiran eksekutif tertinggi agensi kerajaan tergantung urusannya.

6.1.2 Surat daripada agensi kerajaan di bawah Kementerian Pertahanan ditandatangani oleh Setiausaha Kementerian Pertahanan Pengawal Diraja, Panglima Komandan Pengawal Keselamatan Diraja, Kepala Pejabat Komunikasi Tentera, Ibu Pejabat Angkatan Tentera Diraja Thailand, Kepala Pejabat Komunikasi Tentera, Angkatan Darat, Kepala Pejabat Komunikasi dan Teknologi Tentera Laut, Angkatan Laut, Kepala Pejabat Komunikasi Elektronik Tentera Udara, Angkatan Udara mana-mana yang berkenaan

6.1.3 Surat daripada agensi polis yang ditandatangani oleh komander, Bahagian Polis Komunikasi Pejabat Polis Negara.

6.2 Jika legal entiti yang ditubuhkan di bawah-undang iaitu :

6.2.1 Bukti dokumentari menunjukkan status mengikut undang-undang iaitu salinan perjanjian penubuhan kumpulan pengurusan, atau Salinan pendaftaran komersil atau sijil pendaftaran perkongsian terhad atau salinan sijil pendaftaran legal entiti atau salinan perakuan pendaftaran persatuan atau Yayasan dan salinan senarai nama pengurus persatuan atau Yayasan mana-mana yang berkenaan.

6.2.2 Salinan kad pengenalan dan Salinan banci yang berkuasa tandatanganni atau yang diberi kuasa atau perwakilan mana-mana yang berkenaan.

6.2.3 Surat kuasa mengikut undang-undang dengan Salinan kad pengenalan dan Salinan banci pemberi kuasa dan penerima kuasa dalam hal perwakilan.

6.3 Bagi individu iaitu

6.3.1 Salinan kad pengenalan atau salinan kad lain menurut undang-undang dapt digunakan kad pengenalan dan salinan banci pemohon.

6.3.2 Surat kuasa menurut undang-undang dengan salinan kad pengenalan dan salinan banci pemberi kuasa dan penerima kuasa dalam hal perwakilan kuasa.

6.4 Dalam hal jabatan khas di bawah United Nations, Pejabat Palang Merah Antarabangsa, Kedutaan, Kedutaan nuncio, Kedutaan, Konsulat Jeneral dan Konsulat iaitu surat daripada Sekretariat Perdana Menteri atau Jabatan Majlis Diplomatik Kementerian Luar Negeri ditandatangani oleh ketua jabatan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

6.5 Dalam hal Organisasi antarabangsa yang memiliki pejabat di Thailand yang mana kerajaan Thailand telah mengeluarkan akta perlindungan operasi Organisasi tersebut iaitu surat dari Organisasi antarabangsa yang ditandatangani oleh kepala pejabat atau yang diberi kuasa mana-mana yang berkenaan.

Apabila pejabat NBTC menerima dokumen lengkap, pejabat NBTC memberikan kod pengenalan untuk pemohon peruntukan spektrum atau ubah maklumat yang telah didaftarkan tergantung pemohon peruntukan spektrum.

Nombor 7 Permintaan peruntukan spektrum

Bagi yang ingin meminta peruntukan spektrum yang layak menurut nombor 5 dan telah berjalan mengikut nombor 6 boleh mengemukakan permohonan dengan butiran berikut :

7.1 Borang Permintaan

7.1.1 Pemohon peruntukan spektrum mengemukakan permintaan dalam bentuk yang diyentukan NBTC dengan mengisi maklumat dalam boring permintaan dengan betul dan lengkap.

7.1.2 Permintaan mesti ditandatangani oleh pemohon untuk peruntukan spektrum adalah orang yang diberi kuasa untuk bertindak atau mewakilkan, kecuali dalam hal bahagian kerajaan, perusahaan kerajaan, agensi kerajaan, jabatan khas di bawah United Nations, Pejabat Palang Merah Antarabangsa, Kedutaan, Kedutaan nuncio, Kedutaan, Konsulat Jeneral dan Konsulat dan Organisasi antarabangsa yang memiliki pejabat di Thailand yang mana kerajaan Thailand telah mengeluarkan akta perlindungan operasi Organisasi tersebut yang ditandatangani oleh yang berikut :

7.1.2.1 pejabat kerajaan, perusahaan negeri, agensi kerajaan yang ditandatangani oleh ketua peringkat Kementerian, Biro, Jabatan, Pentadbiran Eksekutif perusahaan negeri atau pentadbiran eksekutif tertinggi sgeni kerajaan tergantung urusannya.

7.1.2.2 agensi kerajaan di bawah Kementerian Pertahanan ditandatangani oleh Setiausaha Kementerian Pertahanan Pengawal Diraja, Panglima Komandan Pengawal Keselamatan Diraja, Kepala Pejabat Komunikasi Tentera, Ibu Pejabat Angkatan Tentera Diraja Thailand, Kepala Pejabat Komunikasi Tentera, Angkatan Darat, Kepala Pejabat Komunikasi dan Teknologi Tentera Laut, Angkatan Laut, Kepala Pejabat Komunikasi Elektronik Tentera Udara, Angkatan Udara mana-mana yang berkenaan

7.1.2.3 Agensi polis yang ditandatangani oleh komander, Bahagian Polis Komunikasi Pejabat Polis Negara.

7.1.2.4 Jabatan khas di bawah United Nations, Pejabat Palang Merah Antarabangsa, Kedutaan, Kedutaan nuncio, Kedutaan, Konsulat Jeneral dan Konsulat ditandatangani oleh Sekretariat Perdana Menteri atau Ketua Pengarah Jabatan Diplomatik mana-mana yang berkenaan.

7.1.2.5 Organisasi antara bangsa yang memiliki pejabat di Thailand yang mana kerajaan Thailand telah mengeluarkan akta untuk melindungi operasi organisasi tersebut ditandatangani oleh ketua agensi atau yang dilantik mana-mana yang berkenaan.

7.2 Dokumen keterangan yang digunakan untuk meminta peruntukan spektrum.

Pemohon untuk memperuntukan spektrum hendaklah mengemukakan bukti yang menyokong permintaan peruntukan spektrum. Seperti yang dinyatakan dalam lampiran.

7.3 Tempat permohonan.

Pemohon untuk peruntukan spektrum hendaklah mengemukakan permohonan bersama dokumen keterangan.

7.3.1 Pejabat NBTC, Nombor 87, Jalan Phaholyothin, Lorong 8 (Sailom), Samsen Nai, Phaya Thai, Bangkok 10400

7.3.2 Pejabat NBTC peringkat wilayah dan NBTC peringkat daerah.

7.3.3 Saluran lain yang ditetapkan oleh NBTC.

Nombor 8 Kaedah dan prosedur adalah seperti berikut.

8.1 NBTC akan pertimbangkan untuk memeriksa permintaan dan bukti dokumen yang diperlukan untuk kebenaran mesti betul dan lengkap mengikut nombor 7 atau tidak sebelum mencadangkan perkara itu untuk mempertimbangkan meluluskan peruntukan spektrum.

Jika dokumen yang diperlukan untuk pertimbangan menurut nombor 7 adalah tidak betul, tidak lengkap atau tidak mencukupi hendaklah NBTC memberitahu secara bertulis kepada pemohon peruntukan spektrum dalam tempoh tujuh hari sejak tarikh penerimaan permintaan untuk mengemukakan dokumen tambahan yang diperlukan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan itu. Jika pemohon memperuntukkan spektrum, tidak menghantar dokumen tambahan seperti yang diberitahu oleh pejabat NBTC maka NBTC akan memulangkan permintaan kepada pemohon untuk peruntukan spektrum. Dengan memaklumkan secara bertulis dan menyatakan punca memulangkan permintaan kepada pemohon untuk peruntukan spektrum. Walau bagaimanapun, hak pemohon untuk memperuntukkan frekuensi baru tidak dibatalkan.

8.2 Sekiranya permintaan itu lengkap dan keterangannya adalah betul, NBTC akan memaklumkan pemohon peruntukan spektrum untuk membayar yuran untuk mempertimbangkan permintaan seperti yang ditetapkan.

8.3 NBTC akan memberitahu keputusan peruntukan spektrum kepada pemohon peruntukan spektrum dalam tempoh tujuh hari sejak dari Tarikh penyelesaian selesai.

8.4 Sekiranya permintaan itu diluluskan, NBTC akan memaklumkan pemohon memperuntukkan spektrum membayar yuran yang berkaitan. Dan apabila pejabat NBTC menerima bayaran penuh NBTC akan menentukan tarikh permulaan peruntukan spektrum, umur peruntukan spektrum dan mengeluarkan bukti peruntukan spektrum serta lesen komunikasi radio (jika ada) bagi pemohon untuk memperuntukkan spektrum.

8.5 Sekiranya pemohon memperuntukkan spektrum dalam masa menyediakan pencarian alat komunikasi radio dan lokasi stesen radio mohon meneruskan lanjut nombor 8.1 sehingga 8.4 seperti berikut :

8.5.1 Pemohon peruntukan spektrum menentukan tarikh permulaan peruntukan spektrum dan perincian asas peralatan komunikasi radio atau lokasi stesen radio dalam permintaan. Tarikh permulaan peruntukan spektrum tidak boleh melebihi satu tahun dari tarikh penyerahan permintaan.

8.5.2 Apabila permintaan itu diluluskan, pejabat NBTC akan dikeluarkan bukti menunjukkan hak untuk menggunakan spektrum kepada pemohon untuk peruntukan spektrum.

8.5.3 Bagi agensi yang dikecualikan daripada lesen komunikasi radio di bawah Seksyen 5 Akta Radio Komunikasi tahun 1955 dan yang diubah. Berikan butiran tentang mempunyai, menggunakan alat komunikasi radio dan mendirikan stesen radio seperti yang dinyatakan oleh Pejabat NBTC sebelum tarikh permulaan peruntukan spektrum yang dinyatakan dalam 8.5.1 tidak kurang daripada lima hari.

8.5.4 Untuk agensi lain yang tidak dikecualikan daripada lesen komunikasi radio mengikut sykesen 5 Akta Radio Komunikasi tahun 1955 dan yang diubah. Mengemukakan permohonan sesuai dengan pengumuman Suruhanjaya Perniagaan Penyiaran Televisyen Dan Telekomunikasi Nasional mengenai mempunyai, menggunakan alat komunikasi radio dan mendirikan stesen radio yang berkenaan sebelum Tarikh permulaan peruntukan spektrum yang dinyatakan dalam nombor 8.5.1 tidak kurang daripada lima hari.

8.5.5 Jika pemohon tidak mematuhi nomor 8.5.3 atau 8.5.4 mengikut mana-mana yang berkenaan dianggap hak untuk menggunakan spektrum dibatalkan.

Bagian 2

Kaedah dan prosedur untuk mempertimbangkan peruntukan spektrum

Nombor 9 Peruntukan spektrum untuk semua jenis urusan komunikasi radio tidak termasuk peruntukan spektrum sementara untuk penyelidikan, cuba atau ujian gunakan prinsip siapa terlebih dahulu maka akan dipertimbangkan terlebih dahulu juga dan untuk dipertimbangkan seperti berikut:

9.1 Kaedah untuk mempertimbangkan peruntukan spektrum termasuk:

9.1.1 Sebab untuk keperluan meminta peruntukan spektrum seperti tidak boleh menyewa menggunakan peralatan komunikasi radio, tidak ada perkhidmatan telekomunikasi alternatif di kawasan yang dimaksudkan untuk digunakan, terdapat masalah dengan gangguan frekuensi sebagai orang yang terkena gangguan atau menjadi punca terjadinya gangguan frekuensi yang telah diperuntukkan asal tidak mencukupi dan sebagainya.

9.1.2 Mematuhi pelan induk pengurusan spektrum, Jadual Spektrum Kebangsaan, pelan induk urusan penyiaran dan televisyen, plan induk urusan telekomunikasi atau pengumuman NBTC yang berkenaan.

9.1.3 Mematuhi objektif dan misi agensi.

9.1.4 Ketepatan alat telekomunikasi dan peralatan yang digunakan sesuai dengan pengumuman standar teknikal dan pemeriksaan dan piawaian pensijilan yang berkaitan.

9.1.5 Konsisten dengan perjanjian untuk menyelaraskan dan memperuntukkan spektrum mengikut kawasan sempadan.

9.1.6 Kecekapan dan keberkesanan dalam menggunakan spektrum.

9.1.6.1 Penggunaan spektrum tidak boleh menyebabkan gangguan yang teruk terhadap spektrum dalam domestic dan antarabangsa.

9.1.6.2 Penggunaan spektrum tidak boleh menyebabkan kesan negatif terhadap stesen pemantauan frekuensi NBTC.

9.1.6.3 Penggunaan jalur spektrum tidak boleh bertindih dengan perkhidmatan telekomunikasi yang mempunyai spektrum yang serupa dan gunakan spektrum yang sama atau serupa.

9.1.6.3 Penggunaan spektrum akan bernilai dalam betuk lebar spektrum (Bandwidth) atau jumlah spektrum radio atau saluran spektrum mesti selaras dengan penggunaannya.

9.2 Prosedur untuk pertimbangan peruntukan spektrum termasuk :

9.2.1 NBTC mempertimbangkan permintaan dengan bukti dengan menggunakan peraturan nombor 9.1 semua item. NBTC boleh memilih spektrum lain atau saluran spektrum lain mengikut jadual Spektrum Nasional atau rancangan spektrum atau pemberitahuan NBTC yang berkaitan untuk memperuntukkan kepada pemohon peruntukan spektrum yang memerlukan persetujuan daripada pemohon peruntukan spektrum sebelum meneruskan bahagian yang berkaitan.

9.2.2 Dalam kes peruntukan spektrum menurut jadual spektrum Nasional.

9.2.2.1 Sekiranya hasil pertimbangan dalam Bahagian 9.2.1 adalah betul dan lengkap, Pejabat NBTC akan mencadangkan kepada NBTC untuk mempertimbangkan dan meluluskan peruntukan spektrum sebelum Setiausaha Agung NBTC adalah penerbit bukti peruntukan spektrum dengan lesen komunikasi radio (jika ada) kepada pemohon peruntukan spektrum.

9.2.2.2 NBTC beroperasi menurut nombor 9.2.2.1 mesti diselesaikan dalam tempoh sembilan puluh hari. Jika operasi tertangguh melebihi tempoh yang ditetapkan oleh NBTC mesti memberitahu pemohon peruntukan spektrum secepat mungkin serta sebabnya. Dan apabila pertimbangan selesai NBTC akan memaklumkan pemohon peruntukan spektrum dalam masa tujuh hari.

9.2.3 Dalam kes peruntukan spektrum menurut rancangan spektrum atau pengumuman NBTC berkaitan.

9.2.3.1 Sekiranya hasil pertimbangan nombor 9.2.1 adalah betul dan lengkap Setiausaha Agung NBTC akan mempertimbangkan untuk meluluskan peruntukan spektrum dan mengeluarkan bukti peruntukan spektrum serta lesen komunikasi radio (jika ada) bagi pemohon peruntukan spektrum.

9.2.3.2 NBTC beroperasi menurut nombor 9.2.2.1 mesti diselesaikan dalam tempoh tiga puluh hari. Jika operasi tertangguh melebihi tempoh yang ditetapkan oleh NBTC mesti memberitahu pemohon peruntukan spektrum secepat mungkin serta sebabnya. Dan apabila pertimbangan selesai NBTC akan memaklumkan pemohon peruntukan spektrum dalam masa tujuh hari.

9.2.4 Dalam hal peruntukan spektrum untuk keselamatan negara.

9.2.4.1 Sekiranya hasil pertimbangan dalam Bahagian 7.2.1 adalah betul dan lengkap, NBTC akan beroperasi menurut pengumuman mengenai peruntukan spektrum dalam urusan komunikasi radio untuk keelamatan negara yang berkaitan sebelum meluluskan peruntukan spektrum menurut 9.2.2 atau 9.2.3 mana-mana yang berkenaan.

9.2.4.2 NBTC beroperasi menurut nombor 9.2.2.1 mesti diselesaikan dalam tempoh seratus dua puluh hari. Jika operasi tertangguh melebihi tempoh yang ditetapkan oleh NBTC mesti memberitahu pemohon peruntukan spektrum secepat mungkin serta sebabnya. Dan apabila pertimbangan selesai NBTC akan memaklumkan pemohon peruntukan spektrum dalam masa tujuh hari.

9.2.4.3 Sekiranya kumpulan kerja atau jawatankuasa dibawah Suruhanjaya Perniagaan Penyiaran Televisyen Dan Telekomunikasi Nasional mengenai peruntukan spektrum dalam urusan komunikasi radio untuk keelamatan negara yang berkaitan tidak dapat melaksanakan tugas itu yang mengakibatkan operasi tidak dapat diselesaikan dalam jangka waktu yang ditetapkan dalam item 9.2.4.2 maka NBTC mesti beroperasi menurut item 9.2.2 atau 9.2.3 sebagaimana halnya.

9.2.5 Dalam kes peruntukan spektrum di bawah perjanjian untuk menyelaraskan dan memperuntukkan spektrum di sepanjang sempadan dengan negara-negara yang berada di wilayah yang sama

9.2.5.1 Jika hasil pertimbangan dalam nombor 9.2.1 betul dan lengkap, NBTC hendaklah mematuhi perjanjian untuk menyelaraskan dan memperuntukkan spektrum frekuensi di sepanjang sempadan dengan negara-negara yang mempunyai sempadan wilayah yang sepadan. Jika adalah spektrum untuk keselamatan negara setelah menerima kelulusan perjanjian NBTC akan meneruskan mengikut nomor 9.2.4.

9.2.5.2 NBTC beroperasi menurut nombor 9.2.5.1 mesti diselesaikan dalam tempoh seratus lima puluh hari. Jika operasi tertangguh melebihi tempoh yang ditetapkan oleh NBTC mesti memberitahu pemohon peruntukan spektrum secepat mungkin serta sebabnya. Dan apabila pertimbangan selesai NBTC akan memaklumkan pemohon peruntukan spektrum dalam masa tujuh hari.

9.2.5.3 Jika negara-negara yang berkaitan tidak meluluskan penggunaan spektrum di bawah perjanjian sempadan, pejabat NBTC akan memaklumkan pemohon untuk peruntukan spektrum diketahui serta sebabnya dalam jangka waktu tujuh hari sejak tarikh penerimaan keputusan dari negara-negara tersebut.

9.2.6 Sekiranya hasil pertimbangan dalam Bahagian 9.2.1 tidak lengkap dan betul NBTC mesti memberitahu kepada pemohon peruntukan spektrum

Bagian 3

Ketentuan dan persyaratan peruntukan spektrum

Nombor 10 Tentukan umur peruntukan spektrum tidak lebih daripada lima tahun pada satu masa.

Nombor 11 Sekiranya penggunaan spektrum menyebabkan gangguan terhadap penggunaan spektrum lain yang telah diberikan sebelumnya maka yang diperuntukan spektrum mempunyai kewajiban untuk memberitahu kepada NBTC secepat mungkin untuk menunjukkan punca gangguan tersebut. Dan mereka yang telah diperuntukkan spektrum mesti bekerjasama untuk menyelesaikan gangguan tersebut, termasuk bertanggungjawab untuk pelbagai kos yang mungkin timbul daripada menyelesaikan masalah gangguan tersebut. Namun jika gangguan spektrum tidak dapat diperbetulkan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh NBTC diberitahu maka mereka yang telah diperuntukan spektrum mohon berhenti penggunaan spektrum dengan segera dan serahkan permohonan untuk peruntukan spektrum mengganti yang asal.

Nombor 12 Sekiranya Pejabat NBTC mengesahkan bahawa peruntukan spektrum tidak digunakan untuk tempoh lebih daripada dua minggu berturut-turut NBTC akan menghantar surat memaklumkan kepada peruntukan spektrum. Sekiranya orang yang menerima peruntukan spektrum itu tidak ada surat penjelasan dengan sebab yang munasabah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh yang terdapat dalam surat pejabat NBTC, NBTC akan menghantar surat memberitahu kepada peruntukan spektrum sekali lagi. Jika orang yang diperuntukkan spektrum tidak mempunyai pernyataan bertulis dengan alasan yang munasabah dalam tempoh enam puluh hari sejak tarikh yang terdapat dalam surat daripada NBTC yang kedua. NBTC akan mencadangkan kepada dewan NBTC untuk mempertimbangkan membatalkan peruntukan spektrum seperti yang sepatutnya berlaku.

Nombor 13 Sekiranya NBTC menemui kes tertentu atau dalam banyak kes digabungkan seperti berikut:

13.1 Penggunaan spektrum menyebabkan gangguan spektrum yang teruk dalam penggunaan spektrum domestic atau antarabangsa.

13.2 Penggunaan spektrum tidak mematuhi perjanjian mengenai penyegerakan dan peruntukan spektrum di sepanjang sempadan.

13.3 Biarkan orang lain menggunakan beberapa atau semua spektrum tanpa mendapat kelulusan daripada NBTC.

13.4 Tidak mematuhi ketentuan, peraturan, pengumuman, kaedah, prosedur dan persyaratan yang ditetapkan oleh NBTC.

NBTC akan memerintahkan penggantungan peruntukan spektrum dan buat sementara waktu tangguhkan lesen komunikasi radio yang berkaitan dan mengirim surat pemberitahuan kepada yang diperuntukan spektrum untuk menamatkan penggunaan spektrum dan menyelesaikan masalah dengan cepat. Yang diperuntukan spektrum mesti melaporkan kemajuan dalam menyelesaikan masalah kepada NBTC setiap enam puluh hari sejak daripada tarikh pada surat pemberitahuan untuk menamatkan penggunaan spektrum dan menggantung lesen penggunaan komunikasi radio yang berkaitan. Jika masalah itu tidak dapat diselesaikan dalam tempoh seratus dua puluh hari, pejabat NBTC akan mencadangkan kepada dewan NBTC untuk mempertimbangkan membatalkan peruntukan spektrum sebagaimana mestinya.

Bagian 4

Bayaran

Nombor 14 Yuran untuk mempertimbangkan permintaan sebanyak 5,000 baht setiap permintaan, yang tidak boleh diambil balik, tidak berkenaan dalam kes berikut :

14.1 Sekiranya peruntukan spektrum untuk sementara tidak termasuk peruntukan spektrum sementara untuk penyelidikan, cuba atau ujian yang mesti dilakukan mengikut pengumuman Suruhanjaya Perniagaan Penyiaran Televisyen Dan Telekomunikasi Nasional mengenai peraturan izin menggunakan spektrum untuk percubaan atau ujian sementara dalam hal komunikasi radio dan telekomunikasi.

14.2 Sekiranya pembatalan peruntukan spektrum.

14.3 Dalam kes peruntukan spektrum untuk menggantikan spektrum asal.

Nombor 15 Yuran penggunaan spektrum seperti yang dinyatakan oleh NBTC.

Nombor 16 Bayaran untuk lessen komunikasi radio seperti yang dinyatakan dalam pengumuman Suruhanjaya Perniagaan Penyiaran Televisyen Dan Telekomunikasi Nasional mengenai bayaran lessen untuk komunikasi radio.

Bagian 5

Perubahan skop peruntukan spektrum asal

Nombor 17 Mereka yang telah memperuntukkan spektrum yang ingin menukar skop kebenaran spektrum asal mesti mengemukakan permohonan seperti yang terperinci dalam nombor 7.

Nombor 18 Kaedah untuk menentukan perubahan skop kebenaran spektrum asal termasuk :

18.1 Peruntukan spektrum tidak tamat tempoh pada Tarikh NBTC menerima permintaan tersebut.

18.2 Peraturan menurut nombor 9.1

Nombor 19 Kaedah untuk menentukan skop kebenaran spektrum asal yang diperuntukkan termasuk :

19.1 NBTC mempertimbangkan permintaan dengan dokumen keterangan mengikut peraturan dalam nombor 18 setiap item.

19.2 Dalam hal spektrum menurut jadual Spektrum Nasional.

19.2.1 Sekiranya hasil pertimbangan dalam klausa 19.1 adalah betul dan lengkap. Pihak NBTC akan mencadangkan kepada dewan NBTC mempertimbangkan meluluskan perubahan dalam skop spektrum asal sebelum Setiausaha Agung NBTC membatalkan atau mengeluarkan lessen komunikasi radio yang berkaitan mengikut mana-mana yang berkenaan kepada pemohon.

Dalam hal pembatalan lessen komunikasi radio mesti mengikut pengumuman Suruhanjaya Perniagaan Penyiaran Televisyen Dan Telekomunikasi Nasional mengenai adanya, menggunakan alat komunikasi radio dan menubuhkan stesen radio mana-mana yang berkenaan.

19.2.2 NBTC beroperasi menurut nombor 19.2.1 mesti diselesaikan dalam tempoh sembilan puluh hari. Jika operasi tertangguh melebihi tempoh yang ditetapkan oleh NBTC mesti memberitahu pemohon peruntukan spektrum secepat mungkin serta sebabnya. Dan apabila pertimbangan selesai NBTC akan memaklumkan pemohon peruntukan spektrum dalam masa tujuh hari.

19.3 Dalam hal spektrum menurut rancangan spektrum atau pengumuman NBTC yang berkaitan.

19.3.1 Sekiranya hasil pertimbangan dalam nombor 19.1 adalah betul dan lengkap Setiausaha Agung NBTC akan mempertimbangkan untuk meluluskan perubahan skop peruntukan spektrum asal serta membatalkan atau mengeluarkan lessen komunikasi radio yang berkaitan sebagaimana yang berkenaan untuk pemohon.

Dalam hal pembatalan lesen komunikasi radio, teruskan mengikut pengumuman Suruhanjaya Perniagaan Penyiaran Televisyen Dan Telekomunikasi Nasional mengenai adanya, menggunakan alat komunikasi radio dan menubuhkan stesen radio mana-mana yang berkenaan.

19.3.2 NBTC beroperasi menurut nombor 19.3.1 mesti diselesaikan dalam tempoh tiga puluh hari. Jika operasi tertangguh melebihi tempoh yang ditetapkan oleh NBTC mesti memberitahu pemohon peruntukan spektrum secepat mungkin serta sebabnya. Dan apabila pertimbangan selesai NBTC akan memaklumkan pemohon peruntukan spektrum dalam masa tujuh hari.

19.4 Dalam hal spektrum untuk keselamatan negara.

19.4.1 Sekiranya hasil pertimbangan dalam nombor 19.1 adalah betul dan lengkap NBTC akan beroperasi menurut Suruhanjaya Perniagaan Penyiaran Televisyen Dan Telekomunikasi Nasional mengenai cara untuk peruntukan spektrum dalam hal komunikasi radio untuk keselamatan negara yang berkaitan sebelum meneruskan untuk meminta kelulusan untuk menukar skop kebenaran spektrum yang diperuntukan sebelum ini menurut 19.2 atau 19.3 mana-mana yang berkenaan.

19.4.2 NBTC beroperasi menurut nombor 19.4.1 mesti diselesaikan dalam tempoh seratus dua puluh hari. Jika operasi tertangguh melebihi tempoh yang ditetapkan oleh NBTC mesti memberitahu pemohon peruntukan spektrum secepat mungkin serta sebabnya. Dan apabila pertimbangan selesai NBTC akan memaklumkan pemohon peruntukan spektrum dalam masa tujuh hari.

19.4.3 Sekiranya kumpulan kerja atau jawatankuasa Suruhanjaya Perniagaan Penyiaran Televisyen Dan Telekomunikasi Nasional mengenai cara peruntukan spektrum untuk komunikasi radio untuk keselamatan negara-negara yang berkaitan yang tidak dapat melaksanakan tugas yang mengakibatkan operasi tidak dapat diselesaikan dalam jangka waktu yang ditetapkan dalam nombor 19.4.2 NBTC akan teruskan mengikut nombor 19.2 atau 19.3 mengikut mana-mana yang berkenaan.

19.5 Dalam hal spektrum di bawah perjanjian untuk menyelaraskan dan memperuntukkan spektrum di sepanjang sempadan dengan negara-negara yang memiliki sempadan.

19.5.1 Sekiranya hasil pertimbangan dalam nombor 19.1 adalah betul dan lengkap NBTC akan beroperasi menurut perjanjian mengenai penyelarasan dan peruntukan spektrum di sepanjang perbatasan dengan negara-negara dengan wilayah yang bersangkutan. Jika adalah spektrum untuk keamanan negara apabila diluluskan oleh perjanjian, maka NBTC meneruskan mengikut nombor 19.4.

19.5.2 NBTC beroperasi menurut nombor 19.5.1 mesti diselesaikan dalam tempoh seratus lima puluh hari. Jika operasi tertangguh melebihi tempoh yang ditetapkan oleh NBTC mesti memberitahu pemohon peruntukan spektrum secepat mungkin serta sebabnya. Dan apabila pertimbangan selesai NBTC akan memaklumkan pemohon peruntukan spektrum dalam masa tujuh hari.

19.5.3 Jika negara-negara yang berkaitan tidak meluluskan penggunaan spektrum di bawah perjanjian penyelarasan dan peruntukan spektrum sempadan, pejabat NBTC akan memaklumkan pemohon untuk peruntukan spektrum diketahui serta sebabnya dalam jangka waktu tujuh hari sejak tarikh penerimaan keputusan dari negara-negara tersebut.

19.6 Jika hasil pertimbangan dalam nombor 19.1 adalah tidak betul dan lengkap, NBTC akan memaklumkan pemohon hasil dan alasannya dalam masa tujuh hari dari tarikh penyelesaian.

Bagian 6

Pembaharuan peruntukan spektrum

Nombor 20 NBTC akan memaklumkan peruntuk spektrum untuk memperbaharui peruntukan spektrum sekurang-kurangnya enam puluh hari sebelum Tarikh tamat tempoh. Namun tidak boleh digunakan sebagai sebab atau persyaratan jika peruntuk spektrum tidak dapat memperbaharui peruntukan spektrum mengikut ketentuan.

Nombor 21 Peruntukan spektrum yang ingin memperbaharui peruntukan spektrum mesti mengemukakan permintaan mengikut perincian dalam nombor 7. Namun jika terdapat sebab untuk mengesyaki bahawa alat komunikasi radio tidak memenuhi standard yang berkaitan, NBTC akan memerintahkan pengujian alat komunikasi radio untuk mengesahkan bahawa peralatan komunikasi radio seterusnya yang akan digunakan masih mematuhi piawaian teknikal dan standard pemeriksaan dan pensijilan yang berkaitan.

Nombor 22 Kaedah dalam pertimbangan pembaharui peruntukan spektrum terdiri daripada:

22.1 Peruntukan spektrum yang belum tamat tarikh tempoh NBTC menerima permintaan tersebut.

22.2 Ciri teknikal alat komunikasi radio masih sama.

22.3 Dokumen hasil ujian dalam hal NBTC telah mengarahkan ujian peralatan radio.

22.4 Peraturan di bawah nombor 9.1.

Nombor 23 Prosedur mempertimbangkan pembaharuan peruntukan spektrum terdiri daripada :

23.1 NBTC mempertimbangkan permintaan dengan menggunakan peraturan dalam nombor 22. Namun dalam proses menimbang pembaharuan peruntukan spektrum membenarkan mereka yang telah memperuntukkan spektrum untuk terus menggunakan spektrum sehingga menerima pemberitahuan keputusan dari NBTC.

23.2 Sekiranya hasil pertimbangan dalam nombor 23.1 adalah betul lengkap maka NBTC akan mempertimbangkan untuk meluluskan pembaharuan peruntukan spektrum dan mengeluarkan bukti peruntukan spektrum dengan lesen komunikasi radio (jika ada) kepada pemohon.

23.3 NBTC beroperasi menurut nombor 23.2 mesti diselesaikan dalam tempoh lima belas hari. Jika operasi tertangguh melebihi tempoh yang ditetapkan oleh NBTC mesti memberitahu pemohon peruntukan spektrum secepat mungkin serta sebabnya. Dan apabila pertimbangan selesai NBTC akan memaklumkan pemohon peruntukan spektrum dalam masa tujuh hari.

23.4 Sekiranya hasil pertimbangan dalam nombor 23.1 tidak lengkap dan betul NBTC akan memaklumkan pemohon serta sebabnya dalam masa tujuh hari sejak daripada Tarikh penyelesaian.

Bagian 7

Pembatalan peruntukan spektrum

Nombor 24 Pembatalan peruntukan spektrum terdapat kaedah dan prosedur untuk dipertimbangkan seperti berikut :

24.1 Kaedah untuk mempertimbangkan pembatalan peruntukan spektrum terdiri dari salah satu daripada berikut:

24.1.1 Peruntukan spektrum tamat tempoh.

24.1.2 Yang mendapati peruntukan spektrum ingin membatalkan peruntukan spektrum dengan menghantar permohonan seperti perincian dalam nombor 7.

24.1.3 NBTC memerintahkan untuk membatalkan peruntukan spektrum atas sebab-sebab mengikut nombor 12 atau 13.

24.2 Kaedah untuk mempertimbangkan pembatalan peruntukan spektrum termasuk :

24.2.1 Dalam kes nombor 24.1.1 NBTC akan membatalkan lesen komunikasi radio (jika ada) dan meneruskannya mengikut pengumuman Suruhanjaya Perniagaan Penyiaran Televisyen Dan Telekomunikasi Nasional mengenai adanya kegunaan alat komunikasi radio dan menubuhkan stesen radio yang berkaitan sebelum memaklumkan kepada peruntuk spektrum dalam masa lima belas hari sejak Tarikh peruntukan spektrum tamat tempoh.

24.2.2 Dalam nombor 24.1.2 NBTC akan membatalkan peruntukan spektrum dengan lesen komunikasi radio (jika ada) kepada pemohon dan meneruskan menurut pengumuman Suruhanjaya Perniagaan Penyiaran Televisyen Dan Telekomunikasi Nasional mengenai adanya kegunaan alat komunikasi radio dan menubuhkan stesen radio yang berkaitan. Dan diselesaikan operasi dalam masa lima belas hari sejak dari NBTC menerima permintaan.

24.2.3 Dalam hal nombor 24.1.3 NBTC akan membatalkan lesen komunikasi radio (jika ada) dan meneruskannya mengikut pengumuman Suruhanjaya Perniagaan Penyiaran Televisyen Dan Telekomunikasi Nasional mengenai adanya kegunaan alat komunikasi radio dan menubuhkan stesen radio yang berkaitan sebelum memberitahu kepada peruntukan spektrum dalam masa lima belas hari Sejak tarikh NBTC telah memutuskan untuk membatalkan peruntukan spektrum.

Peruntukan undang-undang tempoh tertentu

Nombor 25 Mereka yang telah diperuntukkan spektrum untuk komunikasi radio dan mereka yang dilesenkan untuk menggunakan alat komunikasi radio sebelum tarikh pengumuman ini berkuatkuasa mesti diteruskan mengikut nombor 6 dan memaklumkan perincian mengenai penggunaan spektrum dengan dokumen kebenaran yang ditentukan NBTC dalam tempoh masa seperti berikut :

25.1 Dalam masa enam puluh hari Dari tarikh kuat kuasa pemberitahuan ini. Dalam hal peruntukan spektrum untuk komunikasi radio atau kebenaran untuk menggunakan peralatan komunikasi radio yang sah menurut hukum mempunyai tarikh tamat tempoh lessen.

25.2 Dalam masa seratus lapan puluh hari dari tarikh kuat kuasa pemberitahuan ini. Dalam hal peruntukan spektrum untuk komunikasi radio atau kebenaran untuk menggunakan peralatan komunikasi radio yang sah menurut hukum mempunyai tarikh tamat tempoh lessen.

Nombor 26 Sekiranya NBTC tidak menerima maklumat mengenai penggunaan spektrum serta dokumentari bukti kebenaran dalam tempoh yang ditentukan pada nombor 25 dianggap bahawa peruntukan spektrum untuk komunikasi radio atau izin untuk menggunakan peralatan komunikasi radio tamat tempoh.

Nombor 27 Ketika NBTC mempertimbangkan rincian mengenai penggunaan spektrum dengan dokumen dan bukti kebenaran yang benar dan lengkap termasuk mengikut pelan induk pengurusan spektrum, jadual Spektrum Nasional, pelan induk penyiaran dan televisyen, pelan induk telekomunikasi, pelan spektrum atau pengumuman NBTC yang berkaitan. NBTC akan mengeluarkan bukti peruntukan spektrum dan lessen komunikasi radio (jika ada) dan tentukan tamat tempoh peruntukan spektrum nombor 10 bagi mereka yang telah memperuntukkan spektrum.

Nombor 28 Kebenaran untuk menggunakan alat komunikasi radio yang tidak menetapkan usia lessen, sebelum tarikh pemberitahuan ini mula berkuatkuasa dianggap sebagai peruntukan spektrum dan meneruskan sesuai dengan nombor 25 hingga nombor 27.

Nombor 29 Dalam tempoh NBTC belum lagi mengumumkan penentuan yuran untuk kegunaan spektrum, kadar yuran hendaklah tidak kurang daripada kadar yang dinyatakan dalam Pemberitahuan Kementerian Teknologi Maklumat dan Komunikasi mengenai tentukan pengguna spektrum membayar untuk kegunaan spektrum pada Tarikh 10 Mac 2004 sehinggalah NBTC mengumumkan lagi.

Nombor 30 Pemberitahuan ini akan berkuat kuasa selepas tamat tempoh seratus lapan puluh hari dari tarikh penerbitan dalam Warta Negara.

Mengumumkan pada 29 Mac 2017

Marsyal Udara Thares Punsri

Pengurus Jawatankuasa Penyiaran, Televisyen
dan Telekomunikasi Nasional

Lampiran

Dokumen keterangan yang digunakan untuk meminta peruntukan spektrum

Pelbagai Hal	Dokumen Keterangan
Dalam hal menubuhkan stesen radio umum.	<ol style="list-style-type: none">1. Salinan bukti yang menunjukkan lokasi stesen radio.2. Surat persetujuan untuk menubuhkan stesen radio sekiranya tidak menjadi tuan punya.3. Salinan lesen untuk menubuhkan stesen radio boleh menggantikan nombor 1 dan 2.
Dalam hal penubuhan stesen radio di atas kapal.	<ol style="list-style-type: none">1. Salinan pendaftaran bot dari Jabatan Pelabuhan.2. Salinan lesen penggunaan bot dari Jabatan Pelabuhan.3. Salinan bukti pelepasan kastam.4. Salinan bukti pembelian atau pesanan untuk membeli.
Dalam hal penubuhan stesen radio di pelabuhan atau kawasan pantai untuk komunikasi di antara stesen radio di atas kapal dengan pelabuhan atau pantai.	<ol style="list-style-type: none">1. Salinan bukti yang menunjukkan lokasi stesen radio.2. Surat persetujuan untuk menubuhkan stesen radio sekiranya tidak menjadi tuan punya.3. Salinan lesen untuk menubuhkan stesen radio boleh menggantikan nombor 1 dan 2.4. Salinan lesen perniagaan pelabuhan laut Dari Jabatan Pelabuhan
Dalam hal penubuhan stesen radio pada kapal terbang.	<ol style="list-style-type: none">1. Salinan pendaftaran kenderaan udara dari Jabatan Penerbangan Awam.2. Salinan sijil kelayakan berjalan di udara dari Jabatan Penerbangan Awam.3. Salinan bukti pelepasan kastam.4. Salinan bukti pembelian atau pesanan untuk membeli.
Dalam hal menubuhkan stesen radio untuk mengawal navigasi udara.	<ol style="list-style-type: none">1. Salinan lesen penubuhan lapangan terbang dari Jabatan Penerbangan Awam atau2. Salinan surat izin penubuhan sementara dari Jabatan Penerbangan Awam.
Sekiranya menubuhkan stesen radio di zon keselamatan navigasi udara mengikut pengumuman Kementerian Pengangkutan	<ol style="list-style-type: none">1. Salinan bukti yang menunjukkan lokasi stesen radio.2. Surat persetujuan untuk menubuhkan stesen radio sekiranya tidak menjadi tuan punya.3. Salinan lesen untuk menubuhkan stesen radio boleh menggantikan nombor 1 dan 2.4. Salinan surat izin sementara untuk pembinaan di zon selamat navigasi udara dari Jabatan Penerbangan Awam.

Pelbagai Hal	Dokumen Keterangan
Dalam hal menubuhkan stesen radio urusan satelit.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Salinan bukti yang menunjukkan lokasi stesen radio. 2. Surat persetujuan untuk menubuhkan stesen radio sekiranya tidak menjadi tuan punya. 3. Salinan lesen untuk menubuhkan stesen radio boleh menggantikan nombor 1 dan 2. 4. Salinan surat sewa menggunakan saluran satelit (Dalam kes yang berkaitan).
Dalam hal meminta peruntukan spektrum yang dikongsi.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Surat persetujuan dari pengagihan spektrum lain keduanya menggunakan rangkaian yang sama dan kerja-kerja yang bertindih. 2. Dokumen keterangan lain, mengikut mana-mana yang berkenaan.
Lain-lain hal.	Rujuk kepada pengumuman NBTC yang berkaitan.

This translated version is prepared with the sole purpose of facilitating the comprehension of foreign participants in the telecommunication rules and regulations and shall not in any event or by any reason be construed or interpreted as having effect in substitution for supplementary to the Thai version thereof. If its translation to other languages is in contrary to Thai version, the latter shall prevail.

Please note that the translation has not been subjected to an official review by the Office of the National Broadcasting and Telecommunications Commission. The Office of NBTC, accordingly, shall not undertake any responsibility for its accuracy, nor be held liable for any loss or damages arising from or in connection with its use.
